

Peranan Institusi Masjid di Sipitang dalam Memurnikan Adat Tradisi Masyarakat Kedayan

Ros Aiza Mohd Mokhtar^a, Che Zarrina Sa'ari^{b*}

^a*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia*

^b*Jabatan Akidah dan Pemikiran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*

*Corresponding author: zarrina@um.edu.my

Abstract

Custom or tradition is a reality that cannot be avoided because it was born as a result of cultural history of a particular race or ethnicity, including the Kedayan. It has been inherited and practiced for several centuries and its present character is diverse and determined by a variety of factors. Even after converting to Islam, traditional customs and beliefs of the Muslim community in Malaysia which were inherited from the pre-Islamic era are not totally extinguished. Therefore, various efforts have been made by the governmental agencies and religious bodies to ensure the traditional beliefs and practices of the Muslims in Malaysia including the Kedayan conform to Islam. Therefore, this paper will explore the role of the selected mosques in the district of Sipitang in upholding some of the traditions of the Kedayan community. Among the traditions discussed are cleaning the grave, holding mourn feast during the month of Shaaban and holding mourn feast at the end of the month of Ramadan. This study is a qualitative study using the method of observation and interview. Data shows the mosque institution in Sipitang has played an important role by taking over the responsibility to organize some traditional practices of the Kedayan which are cleaning the grave, holding mourn feast during the month of Shaaban (*Makan Arwah*) and holding mourn feast at the end of the month of Ramadan (*Makan Malam Tujuh*). This effort has obstructed some activities such as reciting incantation and burning the benzoin with the aims that contradict to the teaching of Islam among this community.

Keywords: Custom; tradition; Kedayan; Mosque Institution; Sipitang

Abstrak

Adat dan kepercayaan tradisi adalah satu realiti yang tidak dapat dielakkan kerana ia lahir sebagai hasil sejarah budaya sesebuah bangsa atau etnik, termasuklah etnik Kedayan. Ia mempunyai kedudukan yang bertunjangkan kepada budaya yang diwarisi sejak zaman-berzaman dan wataknya yang ada sekarang adalah pelbagai dan telah ditentukan oleh pelbagai faktor dalam sejarah. Walaupun setelah memeluk Islam, adat kebiasaan dan kepercayaan tradisi masyarakat Islam di Malaysia yang diwarisi sejak turun-temurun tidak terhapus secara menyeluruh. Oleh itu, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak-pihak yang berautoriti untuk memastikan amalan dan kepercayaan masyarakat Islam di Malaysia umumnya dan masyarakat Kedayan amnya, menepati ajaran Islam. Justeru, kertas kerja ini akan menyelami peranan surau dan masjid terpilih di daerah Sipitang dalam memurnikan sebahagian daripada adat tradisi masyarakat Kedayan di daerah Sipitang. Adat tradisi yang dimaksudkan adalah membersihkan kubur serta *Makan Arwah* dalam tempoh tujuh hari sebelum Ramadhan dan *Makan Malam Tujuh* di akhir bulan Ramadhan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pemerhatian ikut serta dan temu bual. Data menunjukkan institusi masjid dan surau telah membantu memurnikan amalan tradisi masyarakat Kedayan di Sipitang seperti membersihkan kubur di bulan Shaaban, *Makan Arwah* dan *Makan Malam Tujuh* dengan cara mengambil alih penganjuran amalan tersebut. Dengan itu, institusi masjid dan surau dapat memastikan amalan tersebut tidak melanggar syariat Islam dengan meninggalkan bacaan mantra dan pembakaran kemenyan dengan tujuan yang tidak selari dengan ajaran Islam.

Kata kunci: Adat tradisi; Kedayan; Institusi Masjid; Sipitang

© 2015 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Rantau Nusantara sebelum kedatangan Islam telah diwarnai dengan pelbagai kepercayaan. Antaranya ialah Dinamisme-Animisme serta pengaruh Hindu-Buddha. Kepercayaan-kepercayaan ini telah berakar umbi dalam pemikiran penduduk Nusantara serta menciptakan pelbagai adat kebiasaan yang sukar dikikis. Kedatangan agama Islam ke Nusantara telah memberikan impak yang sangat besar ke dalam sejarah dan kebudayaan masyarakat Nusantara (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1999: 51). Antara faktor yang merencanakan perkembangan Islam di Nusantara adalah peranan pendakwah golongan sufi yang memmanifestasikan agama Islam bersifat harmoni dan toleransi terhadap amalan-amalan adat dan tradisi setempat (A. Rahman Abdullah, 1990: 114-116). Hal ini menyebabkan agama Islam mudah diterima dalam masyarakat Nusantara. Dengan itu, orang Kedayan yang telah menerima Islam contohnya, masih merayakan kenduri-kendara, dengan mempersembahkan makanan kepada *bunian* (makhluk halus yang mistik) dan *uang anggau* (raksasa yang dipercayai menetap di satu-satu tempat di dalam hutan atau di batu-batan atau pulau-pulau) (Amde Sidek, 2007: 61). Umumnya, setelah

memeluk Islam, telah berlaku perubahan dalam amalan-amalan masyarakat ini sesuai dengan kehendak Islam terutamanya berkenaan fungsi tradisi itu diamalkan (M. Saiful Japar, 2009: 135). Walau bagaimanapun, masih terdapat saki baki amalan yang tidak selari dengan ajaran Islam yang menuntun usaha pihak-pihak yang berautoriti untuk memperbetulkannya. Dengan itu, kertas ini akan membincangkan usaha pihak surau dan masjid di daerah Sipitang dalam membendung permasalahan ini. Perbincangan dimulakan dengan sejarah ringkas masyarakat Kedayan, seterusnya amalan tradisi masyarakat ini iaitu Makan Arwah dan Makan Malam Tujuh serta peranan surau dan masjid yang mengambil alih penganjuran amalan tradisi tersebut. Bagi mendapatkan data yang asli dan terkini, metode pemerhatian ikut serta dan temu bual informan terpilih digunakan dalam kajian ini.

■2.0 LATAR BELAKANG MASYARAKAT KEDAYAN

Kedayan telah didefinisikan dalam *Kamus Dewan*, sebagai ‘pengiring’ atau ‘hamba’ (Noresah Baharom, 2005: 702). Hal ini dikaitkan dengan kehidupan masyarakat berkenaan sebagai pengiring raja pada zaman feudal. Justeru itu, perkataan “Kedayan” pada mulanya merujuk pekerjaan sebagai pengiring raja. Apabila jumlahnya kian bertambah, mereka mula membentuk etnik Kedayan (Sablee Bagol, 1994:10). Perkataan Kedayan berasal daripada perkataan Melayu Kodi (*score*), dan mendapat akhiran ‘an’ lalu menimbulkan bunyi Kodian (Parnell, 1911 : 150-151). Terdapat sepuluh ejaan bagi terminologi Kedayan yang digunakan oleh penulis-penulis yang menulis tentang masyarakat Kedayan. Antaranya ialah Kadaian, Kadayan, Kadian, Kadien, Kadyan, Kedeian dan lain-lain (Maxwell, 1970. *1(1)*: 87-103). Bahasa Kedayan lebih hampir kepada bahasa Melayu Brunei, namun dari segi sebutan perkataan tertentu dalam bahasa Kedayan, kebanyakannya dihilangkan huruf ‘r’ dan ditambah huruh ‘h’. Contohnya, perkataan ‘darat’ (bahasa Melayu Brunei) disebut ‘daat’ dalam bahasa Kedayan, manakala ‘ada’ (bahasa Melayu Brunei) disebut ‘hada’ dalam bahasa Kedayan (Awang Ahmad, 1978:15).

Etnik Kedayan berasal dari Jawa yang dibawa oleh Sultan Bolkiaah (Sultan Brunei Kelima). Sejarah awal kedatangan Kedayan ke Brunei dikaitkan dengan peristiwa sabung ayam antara Putera Jawa dengan Sultan Brunei. Peristiwa tersebut menyaksikan kekalahan di pihak Putera Jawa, lalu sebagai gantinya orang Kedayan yang asalnya mendiami pulau Jawa dibawa oleh Sultan Brunei untuk bercucuk-tanam di Brunei. Oleh kerana sebahagian Sarawak dan Sabah dahulu di bawah pemerintahan Brunei, etnik Kedayan turut mendiami Sarawak dan Sabah. Jumlah etnik ini di seluruh Borneo adalah sekitar 240 ribu orang (Amde Sidik. 2007: 35-37).

Etnik Kedayan merantau dari Brunei ke Sipitang untuk meneroka kawasan pertanian. Masyarakat ini gemar membuka penempatan yang jauh ke darat dan sering dikaitkan dengan pakar ilmu hutan kerana mewarisi kemahiran memburu haiwan liar seperti rusa (*payau*), kijang, pelanduk, kancil dan landak. Di samping itu, mereka mahir memerangkap burung punai (*mundul punai*) yang lazimnya turut menggunakan mantera yang terdiri daripada susunan ayat berbentuk seperti pantun atau puisi (Sablee Bagol, 1994: 6-8). Sebahagian pula menangkap ikan dengan cara menuba yang disertai ritual tertentu (Laman Jaafar, 1981: 6(34): 49-53).

Masyarakat Kedayan yang hidup sebagai penanam padi mengamalkan ritual tertentu bagi memastikan mereka mendapat hasil tanaman yang baik (Julaihi Bujang, 1978). Masyarakat Kedayan terkenal dengan ritual penting mereka *Makan Tahun* iaitu kenduri besar-besaran yang diadakan selepas menuai padi (P.M. Sharifuddin, 1970: 2(1): 61-66, Maulana Magiman, 2012) yang sering dikaitkan dengan identiti Kedayan.

■3.0 AMALAN ADAT TRADISI SELEPAS KEMATIAN

Dalam hal kematian, pelbagai adat telah diamalkan sebelum, semasa dan selepas kematian. Antara adat selepas kematian yang diamalkan ialah Makan Arwah dan Makan Malam Tujuh yang akan dibincangkan selanjutnya dalam kertas ini. Kedua-dua adat ini dipilih kerana ia melibatkan peranan surau dan masjid, seterusnya menjadikan amalan ini tidak lagi bertentangan dengan ajaran Islam dan sesuai untuk diteruskan.

3.1 Membersihkan Kubur dan Makan Arwah di Bulan Shaaban

Bulan Shaaban secara tradisinya dianggap bulan untuk membersihkan kubur dan mengadakan kenduri arwah (Makan Arwah) oleh sebahagian masyarakat di Nusantara termasuklah Kedayan khususnya di Sipitang. Makan Arwah dahulunya diadakan dalam tempoh tujuh hari sebelum Ramadhan (Hjh Daim bin Bakar, 12/4/2013). Lazimnya setiap hari dalam tempoh tersebut diadakan Makan Arwah oleh keluarga yang berbeza. Sebelum itu, gotong-royong membersihkan kubur dilakukan oleh orang lelaki. Manakala orang perempuan bergotong-royong menyediakan jamuan. Setelah bergotong-royong membersihkan kubur pada sebelah pagi, mereka akan menghadiri kenduri Makan Arwah yang akan diadakan pada waktu tengah hari atau selepas solat zuhur secara berjemaah.

Semasa kenduri Makan Arwah, lazimnya kemenyan dibakar selepas mereka selesai membaca surah Yasin dan sejurus sebelum tahlil dibacakan. Ada yang percaya amalan ini dilakukan agar para malaikat dapat menghidu baunya yang harum dan turut sama hadir ke majlis tersebut (Juno bin Nayan, 13/4/2013). Dengan lain perkataan, amalan ini dapat difahami sebagai satu bentuk jemputan ke atas para malaikat untuk turut hadir ke majlis yang penting itu.

Bagi memastikan tujuan memanggil malaikat tersebut tercapai, dahulunya, mantera tertentu turut dibacakan oleh orang yang membakar kemenyan. Antara isi kandungan mantera tersebut adalah:

...*Ku panggil sianggh sipatah*
Bang lubuk, bang antau, (Di lubuk, di mana-mana)
Bang gunung, bang bukit, (Di gunung, di bukit)
Bang laut, (Di laut)
Tujuh lapis ke bawah
Tujuh lapis ke atas
Tercium bau kemeyan...

(Sumber: Hj. Hamit bin Saban, 13/4/2013)

Amalan membakar kemenyan ini merupakan amalan turun-temurun dan masih diamalkan. Ada pandangan yang mengatakan bahawa bau kemenyan yang harum berfungsi sebagai salah satu bentuk makanan kepada makhluk ghaib (Maulana Magiman, 2012). Lazimnya, sambil berdoa dan bertahlil, mereka melihat keadaan asap kemenyan itu naik ke atas. Pada saat itu, dipercayai segala apa yang dipohon dan dihajati akan disampaikan melalui kepulan-kepulan asap tersebut. Sebahagian daripada mereka pula memejamkan mata. Hal ini dilakukan untuk merapatkan hubungan manusia dengan Tuhan dengan penuh kekhayatan dalam menghayati doa serta penghayatan terhadap kekuasaan Tuhan. Ada sebahagian pula yang menangis syahdu serta memohon keselamatan ke atas roh keluarga mereka yang telah meninggal (Maulana Magiman, 2012).



Sumber: Kajian Lapangan

Foto 1 dan 2 Kayu setinggi yang kini digunakan menggantikan penggunaan kemenyan semasa majlis tahlil



Sumber: Kajian Lapangan

Foto 3 Gotong-royong membersihkan kubur.



Sumber: Kajian Lapangan

Foto 4: Menziarahi kubur.

3.2 Makan Malam Tujuh

Makan Malam Tujuh juga merupakan salah satu jenis kenduri arwah. Ia diadakan tujuh malam berturut-turut pada akhir Ramadhan (Hjh. Noralam bt. Aspar, 16/32013). Amalan ini turut disertai dengan acara mengunjungi dan membersihkan kubur oleh keluarga si mati pada hari terakhir bulan Ramadhan (Hj. Aminah bt. Hj. Ghafar, 6/7/2013). Oleh kerana, majlis ini diadakan pada bulan Ramadhan di mana umat Islam berpuasa pada siang harinya, maka kenduri diadakan pada sebelah malam. Dahulunya, pada malam diadakan Makan Malam Tujuh, lilin mestilah dipasang. Hal ini dikaitkan dengan roh si mati akan datang menjenguk. Bagi membuktikan roh si mati memang datang menjenguk, mereka akan menabur tepung gandum di atas tangga. Keesokan harinya, pasti mereka akan melihat kesan tapak kaki di atas tepung yang ditabur di atas tangga tersebut. Ini membuktikan si mati benar-benar pulang menjenguk keluarganya. Walau bagaimanapun, tepung tidak perlu ditabur di tangga sekiranya tiada yang mempersoalkan sama ada roh si mati benar-benar pulang ataupun tidak (Jusmi bin Salim, 17/3/2013).

Sebagaimana Makan Arwah, surah Yasin dan tahlil juga dibacakan semasa Makan Malam Tujuh sebelum menjamu selera. Kemenyan juga turut dibakar selepas bacaan Yasin sejurus sebelum tahlil dibacakan. Namun, ada juga sebahagian daripada mereka yang membaca Al-Quran pada tujuh malam terakhir bulan Ramadhan tersebut untuk dihadiahkan pahalanya kepada ahli keluarga yang telah meninggal (Hjh. Noralam bt. Aspar, 16/32013). Ringkasnya, bentuk amalan yang dilakukan ini adalah sebagai khidmat bakti mereka terhadap ahli keluarga mereka yang telah meninggal dunia, di samping menjaga hubungan antara yang hidup dengan yang mati agar tidak terputus. Dalam masa yang sama, mereka turut mengharap, anak keturunan mereka turut melakukan perkara yang sama agar hubungan kekeluargaan terus terpelihara walaupun setelah meninggal dunia.

4.0 KENDURI ARWAH DARI PERSPEKTIF ISLAM

Kenduri arwah yang dilakukan mengikut jangka waktu tertentu telah wujud dalam tradisi animisme di mana ada kepercayaan bahawa sekiranya seseorang yang mati tidak dikendurikan hantunya akan datang mengganggu sanak saudaranya yang masih hidup. Sebahagian orang primitif di Nusantara berpendapat hantu si mati akan pulang ke rumahnya lalu mencari nasi di dapur dan makan dengan lahap. Ia boleh juga terjadi dengan cara si mati datang dalam mimpi salah seorang keluarganya meminta makan dan minum. Hal demikian

dikatakan terjadi kerana si mati tidak mendapat kiriman makanan daripada keluarganya yang masih hidup. Untuk mengirim makanan tersebut, maka diadakanlah kenduri supaya hantu itu tidak lagi mengacau (H.O.K. Rahmat, 30-31). Tentang kepercayaan bahawa roh si mati akan pulang ke rumah khususnya pada tujuh malam terakhir di bulan Ramadhan juga terdapat dalam sebahagian kecil masyarakat Kedayan. Dahulunya bagi mereka yang tidak percaya akan perkara tersebut, mereka disuruh menabur tepung pada waktu malam supaya dapat melihat kesan tapak kaki si mati keesokan harinya. Dan kerana itu jugalah mereka memasang pelita pada tujuh malam terakhir bulan Ramadhan dengan tujuan supaya si mati mudah mengecam rumah mereka (Jusmi b. Salim, 16/3/2013). Selain itu, ada juga kepercayaan perlunya dibuat kenduri pada hari-hari tertentu seperti hari ketiga, ketujuh dan sebagainya. Hal ini kerana dipercayai sekiranya dilakukan pada hari ketiga contohnya, perut si mati akan pecah dan sebagainya (Samin Ongki, 14/3/2014, Suwaid Tapah 3/4/2014). Perkara ini juga terdapat dalam agama Hindu.

Ziarah, membersihkan kubur dan bersedekah di situ pada waktu tertentu juga telah wujud di zaman animisme yang mementingkan roh leluhur ibu bapa dan nenek moyang. Ziarah dan membersihkan kubur timbul daripada kepercayaan bahawa adanya hubungan antara keluaraga yang masih hidup dan keluarga yang sudah mati (H.O.K. Rahmat, 31).

Amalan kenduri arwah dan ziarah kubur ini telah menjadi sebahagian daripada adat orang Melayu secara temurun. Adat berasal dari perkataan Arab *al-'adat* yang bermaksud "apa yang dilakukan oleh manusia secara berterusan berasaskan hukum akal." Sesuatu perkara atau sikap dianggap sebagai adat setelah perbuatan tersebut dilakukan secara berulang seterusnya menjadi amalan tetap seseorang individu atau sebuah masyarakat (al-Jurjānī, 1938: 127).

Adat dan kepercayaan adalah perkara yang lazimnya dipertahankan dengan bersungguh-sungguh oleh sesebuah bangsa dan masyarakat sejak zaman-berzaman sehingga disebut bahawa seseorang rasul itu tidak diutus melainkan adanya kaum yang berpegang kuat kepada kepercayaan nenek moyang mereka sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

"Kami tidak mengutus sebelum mu (wahai Muhammad) kepada penduduk sesebuah negeri, seseorang Rasul pemberi amaran, melainkan orang-orang yang berada dalam kemewahan negeri itu berkata: Sesungguhnya kami dapati datuk nenek kami menurut satu jalan agama, dan sesungguhnya kami hanya mengikut jejak mereka sahaja." (*Az-Zukhruf*, 43: 22-24)

Namun dalam firman Allah SWT yang lain pula ada menyebutkan bahawa memuji dan memuja nenek moyang merupakan amalan masyarakat jahiliyyah sebelum mereka memeluk Islam. Setelah itu, Islam mengajar mereka agar menggantikannya dengan amalan memuji dan memuja Allah SWT. Hal ini disebutkan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

"Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan amalan ibadat haji kamu, maka hendaklah kamu menyebut-nyebut dan mengingati Allah (dengan membesarkannya) sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut (memuji-muji) datuk nenek kamu, bahkan dengan sebutan yang lebih lagi." (*Al-Baqarah*, 2: 200)

Dalam hal ini, al-Shahrastānī menjelaskan tradisi dan sebahagian adat resam orang Arab Jahiliyyah diperakui oleh Islam. Antara tradisi tersebut adalah mengerjakan haji di Baitullah, melakukan umrah, berihram, melakukan tawaf sebanyak tujuh kali, menyapu Hajar Aswad dan perkara-perkara lain yang dilakukan dalam ibadah haji. Mereka turut mengkafankan jenazah mereka dan bersolat ke atasnya serta menyebut-nyebut semua kebajikannya dan memujinya sebelum dikebumikan, memotong tangan kanan orang yang mencuri dan melakukan penyucian fitrah yang diwarisi dari Nabi Ibrahim a.s. iaitu sepuluh perkara seperti berkumur, beristinja, mencukur misai dan lain-lain (Shahrastānī, t.t.: 276-278).

Menurut Ibn Khaldūn (t.t.: 596, 643) pula, adat kebiasaan memiliki kekuatan untuk bertahan berbanding perkara-perkara lain. Contohnya, orang-orang Arab kembali kepada kebiasaan dalam kegiatan bersyair setelah mereka mendapati Nabi Muhammad s.a.w. mendengar syair dan menghargai penyairnya.

Sebagaimana adat tradisi yang lain, kenduri arwah juga sukar ditinggalkan. Kenduri arwah dahulunya merupakan upacara persembahan dan pemujaan yang diwarisi daripada fahaman animisme dan agama Hindu-Buddha. Kemudian, sebagai strategi dakwah, Wali Songo mengubah suai adat-adat persembahan dan jamuan kepada roh-roh ini kepada kenduri tahlil. Manakala adat membakar kemenyan dan bacaan mantera kepada roh-roh mereka yang telah mati diubah kepada upacara tahlil dan doa (Ab. Aziz Mohd. Zin, 1997: 40).

Sehingga hari ini, kenduri arwah masih popular di kalangan masyarakat di Nusantara, khususnya Malaysia. Kebiasaannya kenduri arwah diadakan oleh waris si mati, terutama anak-anaknya. Kekerapan sesuatu kenduri arwah bergantung pada keadaan. Faedah yang diperoleh melalui kenduri yang diadakan ini adalah secara bertimbang balas iaitu waris yang mengadakan kenduri berbuat kebaikan kepada tetamu dengan menjamu makanan dan tetamu yang datang pula berdoa supaya roh si mati mendapat keampunan dan rahmat daripada Allah SWT (Ahmad Faisol Omar, 2009: 40).

Ulamak telah berselisih pendapat tentang keharusan mengadakan kenduri arwah. Sebahagian ulamak tidak mengharuskan kenduri arwah berdasarkan kepada hadis Jarir bin Abdullah sebagaimana berikut:

Daripada Jarir bin Abdullah r.a., katanya:

كُنَّا نَعُدُّ الْإِجْتِمَاعَ إِلَى أَهْلِ الْمَيِّتِ وَصَنِيعَةَ الطَّعَامِ بَعْدَ نَفْسِهِ مِنَ النَّبَاحَةِ

Terjemahan: Kami menganggap bahwa berkumpul di rumah keluarga si mati dan membuat makanan setelah pengebumiannya adalah sebagai bentuk *niyahah* (ratapan kematian). (Riwayat Ahmad bin Hanbal dengan isnad yang sahih, no. hadis 6611).

Hadis tersebut menjelaskan bahawa berkumpul di rumah si mati serta menyediakan makanan merupakan salah satu bentuk ratapan terhadap pemergian si mati. Manakala tentang ratapan terhadap pemergian si mati pula telah dilarang oleh Nabi Muhammad s.a.w. kerana ia boleh menyebabkan mayat tersebut tersiksa dalam kuburnya sebagaimana hadis berikut:

Daripada Umar al-Khattab r.a., Rasulullah s.a.w. bersabda:

الْمَيِّتُ يُعَذَّبُ فِي قَبْرِهِ بِالنَّبَاحَةِ عَلَيْهِ

Terjemahan: Seorang mayat akan disiksa di kuburnya akibat dari *niyahah* (ratapan) kepadanya. (Riwayat Ahmad bin Hanbal dengan isnad yang sahih, no. hadis 175).

Menurut Hasan Ahmad, telah bersepakat imam-imam mazhab empat tentang makruhnya ahli keluarga si mati menghimpun dan menjamu makan kepada orang ramai selepas kematian. Walau bagaimanapun, adalah sunat kepada jiran keluarga si mati, kawan atau kenalan keluarga si mati dan kaum kerabat si mati yang jauh yang menyediakan atau membawa makanan kepada ahli keluarga si mati (Hasan Ahmad, t.t.: 22). Hal ini disandarkan kepada hadis berikut:
Daripada Abdullah bin Jaafar r.a., Rasulullah s.a.w. bersabda:

اصْنَعُوا لِيَالِ جَعْفَرٍ طَعَامًا فَإِنَّهُ قَدْ أَتَاهُمْ أَمْرٌ شَغَلَهُمْ

Terjemahan: Buatlah makanan untuk keluarga Ja'far, sesungguhnya telah datang kepada mereka perkara yang menyibukkan mereka. (Riwayat Abu Dawud dengan isnad yang sahih, no. hadis 2725).

Walaupun bagaimanapun, sebahagian ulamak khususnya di Nusantara seperti Ismail bin Ahmad bin Muhammad Salleh al-Taani al-Langgori (2001: 14-15) menjelaskan bahawa kenduri arwah bukanlah suatu kenduri untuk meratapi pemergian si mati (*niyahah*) atau untuk membebani keluarga si mati dengan menjadikannya sebagai suatu kewajipan atau melakukannya semata-mata menurut adat. Malahan ia dianggap sebagai satu amalan jariah iaitu menyedekahkan makanan kepada yang hadir. Manakala pahala yang diperoleh hasil daripada sedekah itu kemudiannya diniatkan kepada si mati.

Hal ini juga selari dengan definisi kenduri arwah yang tercatat dalam *Kamus Dewan* iaitu perjamuan makanan yang lazimnya didahului oleh zikir, doa dan sebagainya kerana sesuatu tujuan keagamaan (minta berkat), mendoakan orang yang meninggal, memperingati sesuatu peristiwa dan lain-lain (Noresah Baharom, 2005: 741). Dalam masa yang sama, ulamak juga bersepakat bahawa pahala sedekah akan sampai kepada si mati berdasarkan Hadith berikut:
Daripada Abu Hurairah r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنَّهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Terjemahan: Apabila salah seorang manusia meninggal dunia, maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat baginya dan anak shalih yang selalu mendoakannya. (Riwayat Muslim, no. hadis 3084).

Menurut Ismail bin Ahmad lagi, sesetengah pihak yang menggunakan hadis Jarir ibn Abdullah bagi menghukum kenduri arwah dalam konteks Nusantara sebagai bid'ah tidak tepat kerana pendalilan dilakukan bukan pada tempatnya. Kedudukan pengambilan hukum daripada hadis ini adalah semata-mata berdasarkan *niyahah* (meratapi) pemergian si mati dan jenis-jenisnya. Dengan sebab itulah, ulamak empat mazhab menghukum perbuatan meratapi dengan bid'ah. Ini bermakna sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan si mati dihukum sebagai bid'ah kerana adanya *'ilah* (sebab) iaitu *niyahah* (meratapi). Namun pada hakikatnya, kenduri arwah yang dilakukan oleh masyarakat di Nusantara tidak mempunyai unsur *niyahah*. Pihak keluarga si mati dengan senang hati dan rela mendermakan harta yang ada dalam bentuk memberi makanan dan lazimnya dilakukan selepas berzikir. Dalam pada itu, hasil pahala sedekah itu diniatkan kepada arwah dan disertakan pula dengan doa (Ismail Ahmad, 2001: 15-17).

Di samping itu dalam konteks Malaysia, kenduri arwah difatwakan sebagai harus, antaranya sebagaimana berikut:

(1) Fatwa Negeri Kedah

Mengadakan kenduri kematian yang melibatkan harta si mati, harta pusaka dan harta anak-anak yatim tidak diharuskan tetapi mengadakan kenduri arwah seperti amalan sesetengah masyarakat di mana keluarga si mati menyediakan makanan kepada orang yang menziarahinya tidak merupakan kesalahan di sisi syarak. Bahkan dikira sebagai amal kebajikan, jika tujuan tersebut adalah untuk bermuafakat berdoa dan memohon rahmat dari Allah untuk si mati dengan syarat diadakan kenduri itu bukan untuk tujuan *riya'* tetapi ikhlas kerana Allah SWT. Fatwa ini merujuk kepada Hadis bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud, "Sediakan oleh kamu makanan untuk keluarga Jaafar bin Abi Talib dan hantarkan kepada mereka kerana mereka ditimpa kesusahan," (Riwayat Abu Dawud, no. Hadith 2725). Justeru itu, digalakkan supaya kaum kerabat dan jiran-jiran memberi makanan kepada keluarga si mati kerana mereka sibuk dengan si mati. Perbuatan ini boleh merapatkan hubungan kasih sayang dan mengambil berat terhadap kesusahan yang sedang ditimpa jiran. Dengan merujuk hadis ini, Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah mengeluarkan fatwa bahawa amalan mengadakan kenduri arwah itu harus hukumnya (Mohamaed Azam Mohamad Adil, 467-480).

(2) Fatwa Negeri Pulau Pinang

Mengadakan jamuan serta makanan pada hari kematian sedangkan mayat masih berada dalam rumah adalah tidak digalakkan oleh Islam. Ia tidak haram jika wang yang digunakan itu tidak bersangkut paut dengan harta peninggalan si mati. Penyediaan makanan itu adalah harus hukumnya untuk mengelak cacian masyarakat (Mohamaed Azam Mohamad Adil, 467-480).

(3) Fatwa Negeri Sabah

Kenduri arwah merupakan satu keharusan selagi mana ianya tidak berlebih-lebihan atau melanggar adab syarak. Namun amalan kenduri ini bukan satu kefardhuhan atau kewajipan yang mesti dilaksanakan apabila berlakunya kematian. Ianya bukan satu hak yang mesti dilakukan oleh keluarga yang masih hidup, bahkan adalah menjadi sunnah Rasulullah SAW apabila berlakunya kematian, keluarga terdekat, jiran-jirannya menyediakan makanan untuk ahli keluarga si mati sekurang-kurangnya mengeyangkan mereka pada hari dan malam tersebut. Hal ini merupakan satu kebajikan bagi menghilangkan keresahan dan dukacita mereka pada hari tersebut berdasarkan hadis daripada Abdullah bin Ja'far yang telah dibincangkan sebelum ini. Namun menetapkan sesuatu bilangan seperti tiga hari, tujuh hari, di dalam mengadakan kenduri adalah tidak bersesuaian dengan hukum Syarak (Hj. Bongsu Aziz b. Jaafar, 19 Mac 2014, Kertas Fatwa Kenduri Arwah Tujuh Hari, Pejabat Mufti Negeri Sabah, 28 Disember 2005).

Umumnya, hukum bagi kenduri arwah di Malaysia adalah harus. Di samping itu, kenduri arwah yang dilakukan oleh anak-anak si mati secara tidak langsung menunjukkan kesolehan anak terhadap orang tuanya. Anak-anak yang mengadakan kenduri arwah bagi ibu bapanya yang telah meninggal dunia adalah anak-anak soleh seperti yang dimaksudkan melalui hadis Rasulullah s.a.w. daripada Abu Hurairah r.a. sebagaimana yang telah disebut sebelum ini. Hal ini kerana jika anak-anak si mati mengadakan kenduri dan meminta tetamu

bertahlil dan berdoa untuk arwah ibu bapa mereka maka seolah-olah merekalah yang berdoa untuk ibu bapa mereka. Walau bagaimanapun, kenduri yang diadakan itu tidak boleh menggunakan harta pusaka si mati yang belum difaraidkan kecuali jika semua waris bersetuju. Jika dalam kalangan waris si mati terdapat anak yang belum baligh (yatim) maka bahagiannya daripada pusaka tersebut tidaklah boleh diambil untuk dibuat kenduri arwah. Derma atau sedekah orang ramai yang disumbangkan pada hari kematian si mati boleh digunakan untuk dibuat kenduri arwah kerana derma tersebut bukanlah harta peninggalan si mati (Kertas Fatwa Kenduri Arwah Tujuh Hari, Pejabat Mufti Negeri Sabah, 28 Disember 2005).

Bagi orang miskin atau yang sederhana kemampuannya tidak boleh menyusahkan diri untuk mengadakan kenduri secara besar-besaran atau di luar kemampuannya. Sekiranya seseorang itu berkemampuan untuk mengadakan kenduri secara bersendirian, maka dia boleh melakukannya mengikut hajat dan keperluannya. Tetapi ada masanya seseorang itu tidak mampu mengadakan kenduri secara bersendirian kerana melibatkan perbelanjaan yang besar. Dalam keadaan ini, disarankan kepada orang yang berkemampuan supaya berkongsi kenduri dengan tuan rumah supaya dapat menjayakan kenduri yang dirancang. Perkongsian kenduri di sini boleh dilakukan dalam bentuk menghulurkan wang kepada tuan rumah untuk membeli keperluan seperti makanan untuk dimakan oleh tetamu yang hadir. Berkongsi kenduri termasuk dalam perkara-perkara yang digalakkan kerana merupakan sebahagian daripada kerjasama dalam Islam (Ahmad Faisal Omar, 95).

Ziarah kubur juga ada asas dalam ajaran Islam dan merupakan sunah Nabi s.a.w. sebagaimana hadis berikut: Daripada Buraidah r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا

Terjemahan: Dahulu aku melarang kalian untuk ziarah kubur, maka sekarang ziarahilah. (Riwayat Muslim, no. hadis 1623).

Manakala membakar kayu setinggi untuk tujuan mewangikan secara umumnya ada asas dalam Islam sebagaimana hadis berikut:

Daripada Anas bin Malik r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

حُبِّبَ إِلَيَّ مِنَ الدُّنْيَا النِّسَاءُ وَالطِّيبُ

Terjemahan: Yang aku sukai dari dunia adalah wanita dan minyak wangi (Riwayat Ahmad ibn Hanbal dengan isناد yang sahih, no. hadis 11845).

Dengan itu, membakar kemenyan atau kayu setinggi atas tujuan untuk mewangikan suasana rumah semasa mengadakan kenduri arwah tidaklah bersalahan dengan ajaran agama Islam (Suwaid Tapah, 3 April 2014).

Lazimnya, pengisian dalam majlis kenduri Arwah yang diadakan pada hari ini ialah bacaan ayat-ayat Al-Quran, istighfar, zikir, selawat, tahlil dan doa. Walau bagaimanapun, di sesetengah tempat masih ada lagi yang menyelitkan perkara-perkara adat yang diwarisi secara turun-temurun seperti membakar kemenyan dengan bacaan mantera tertentu yang dikhuatiri tidak selari dengan ajaran Islam. Dengan itu, penglibatan institusi agama dalam memurnikan adat tradisi amatlah perlu.

■ 5.0 PERANAN SURAU DAN MASJID DI DAERAH SIPITANG


Perkataan masjid berasal daripada kata serapan bahasa Arab iaitu daripada perkataan *sajada*, *yasjudu*, *sujūdan* yang membawa maksud meletakkan dahinya ke bumi (Ibn Manzūr, t.t.: 204). Manakala perkataan *masjad*, *masjid* dan *masajid* bermaksud tempat sujud. Al-Zajjaj menyatakan bahawa setiap tempat beribadat (bersujud) kepada Allah SWT adalah masjid (Ibn Manzūr, t.t.: 204).

Masjid merupakan aset yang penting bagi masyarakat Islam dan nadi kepada perkembangan tamadun Islam. Sejarah mencatatkan antara strategi awal yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. untuk membentuk masyarakat dan negara Islam di Madinah adalah mendirikan masjid. Masjid tidak hanya berfungsi sebagai tempat ibadah. Sebaliknya, ia menjadi sumber kekuatan dan perpaduan serta mampu mempertahankan survival umat Islam.

Dalam konteks negara Malaysia, selain masjid, terdapat juga surau yang mempunyai fungsi yang hampir sama dengan masjid. Masjid dan surau sama-sama mempunyai peranan yang besar dalam membimbing dan membentuk masyarakat dengan penganjuran pelbagai program ilmu. Tidak kurang juga pada hari ini peranan masjid turut diperluaskan kepada penjana ekonomi untuk membangunkan umat Islam.

Menyedari terdapatnya amalan dan kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran Islam dalam pelaksanaan Makan Arwah dan Makan Malam Tujuh, pihak surau dan masjid di daerah Sipitang telah mengambil inisiatif dengan mengambil alih tanggung jawab mengadakan kedua-duanya adat tradisi ini walaupun tidak secara keseluruhan. Hal ini dilakukan bagi mendidik dan membiasakan masyarakat Kedayan khususnya dengan amalan yang betul di sisi Islam tanpa menyetepikan adat kebiasaan yang mereka warisi secara turun-temurun. Perkara ini juga masih selari dengan fatwa yang telah dikeluarkan di Sabah khususnya, iaitu mengharuskan mengadakan kenduri arwah.

Kebanyakan pihak surau dan masjid menjadikan amalan-amalan ini sebagai aktiviti tahunan agar amalan ini dapat dipantau. Membersihkan kubur, Makan Arwah dan Makan Malam Tujuh diadakan secara gotong-royong oleh pihak surau dan masjid dengan kutipan yang sangat minima daripada penduduk kampung agar tidak membebankan mereka. Contohnya wang kutipan sebanyak RM30 dikenakan bagi mereka yang berminat menyertai Makan Arwah di Surau Kg. Pasir Putih sebagaimana Foto 5 di bawah. Ada juga pihak masjid yang menganjurkan agar dibuat secara 'pot luck' di mana sesiapa yang menyertai kenduri tersebut membawa makanan masing-masing. Tidak kurang juga pihak masjid yang memberi peruntukan jamaan sepenuhnya menggunakan wang hasil kutipan sedekah dan sebagainya seperti yang dilakukan oleh pihak masjid Jamek Pekan Mesapol.



Sumber: Kajian Lapangan

Foto 5, 6 dan 7 Program Membersih kubur dan Makan Arwah yang dianjurkan oleh Masjid Jamek Pekan Mesapol, Masjid Kg. Ulu Sipitang dan Surau Kg. Pasir Putih.

No.	NAWA PERUSAHA	Jumlah RM
1	Pn. Yuslita	RM 20.00
2	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
3	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
4	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
5	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
6	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
7	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
8	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
9	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
10	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
11	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
12	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
13	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
14	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
15	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
16	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
17	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
18	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
19	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
20	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
21	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
22	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
23	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
24	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
25	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
26	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
27	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
28	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
29	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
30	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
31	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
32	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
33	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
34	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
35	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
36	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
37	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
38	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
39	Pn. Nurul Huda	RM 20.00
40	Pn. Nurul Huda	RM 20.00

Sumber: Kajian Lapangan

Foto 8 Program Makan Malam Tujuh yang dianjurkan oleh Masjid Kg. Menengah Ulu Sipitang.

Dengan cara ini pihak surau dan masjid telah mengambil alih tanggung jawab memelihara adat resam masyarakat. Secara tidak langsung, perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam boleh dihindarkan (Sapawi bin Bekal, 12/4/2013). Contohnya, kepercayaan tentang makhluk ghaib dan kewajiban memberi makan makhluk ghaib dengan cara membakar kemenyan telah dapat dihapuskan. Dalam masa yang sama, perkara-perkara yang membebankan umat Islam seperti kewajiban mengadakan kenduri yang pelbagai secara persendirian yang diwarisi secara turun-temurun turut dapat dikurangkan.

Antara kelebihan lain aktiviti membersih kubur ialah, ramai yang berpeluang untuk menziarahi kubur keluarga yang telah meninggal. Hal ini kerana, tanah perkuburan orang Kedayan lazimnya terletak jauh ke dalam hutan dan di kawasan bukit. Ini menyebabkan orang perempuan terutamanya jarang yang menziarahi kubur bersendirian atas sebab keselamatan (Hjh. Aminah bt, Hj. Ghafar, 17/7/2013). Oleh itu, dengan adanya aktiviti seperti ini, mereka mengambil peluang untuk menziarahi kubur keluarga yang telah meninggal dunia.

6.0 KESIMPULAN

Institusi surau dan masjid di daerah Sipitang telah memainkan peranan yang wajar dalam membendung permasalahan masyarakat yang masih terikat dengan adat-adat tradisi yang tidak selari dengan ajaran Islam. Di samping dapat meringankan beban masyarakat setempat yang sebelum ini harus mengeluarkan belanja yang besar dalam memenuhi tuntutan adat tradisi khususnya Makan Arwah dan Makan Malam Tujuh, institusi surau dan masjid juga mengorak langkah dalam merapatkan silaturahmi dalam kalangan masyarakat Kedayan di Sipitang. Usaha ini harus diberi pujian kerana walaupun majlis yang dijalankan di rumah persendirian tidak dapat dipantau sepenuhnya, sekurang-kurangnya ia berjaya dikurangkan. Dicadangkan juga pihak surau dan masjid boleh meluaskan lagi peranan seperti terlibat dengan pengurusan jenazah orang-orang kampung kerana masih terdapat pelbagai petua dan pantang-larang dalam hal kematian yang sebahagiannya tidak selari dengan ajaran Islam.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaya yang telah membiayai kajian ini di bawah geran IPPP, PG028-2012B sehingga makalah ini dapat dihasilkan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada masyarakat Kedayan di Sipitang.

Rujukan

- Kertas Fatwa Kenduri Arwah Tujuh Hari. Pejabat Mufti Negeri Sabah. 28 Disember 2005.
- Abd. Aziz Mohd Zin. 1997. Metod Da'wah Wali Songo. Dlm. *Jurnal Usuluddin*. Bil.7. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Abdullah. 1999. *Falsafah Alam Semesta Di Nusantara*. Selangor: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Abū Dāwūd, al-Imām al-Hāfīz Abī Dāwūd Sulaymān bin al-'Ash'ṭh al-Sijastānī al'azdī. t.t. *Sunan Abū Dāwūd*. al-Maktabah al-Syamilah.
- Ahmad bin Hanbal, Abū 'Abd Allāh Ahmad ibn Muḥammad ibn Ḥanbal. t.t. *Musnad Ahmad*. Al-Maktabah al-Syamilah.
- Ahmad Faisal Omar. 2009. *Kenduri: Syariat dan Adat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Al-Bukhārī, al-Imām Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm. t.t. *Sahīh Bukhārī*. Al-Maktabah al-Syamilah.
- Al-Jurjānī. 1938. *Al-Ta'rifāt*. Kaherah: Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādūh.
- Amde Sidik. 2007. *The Mystic of Borneo*. Kota Kinabalu: Borneo Publishers.
- A-Shahrastānī, Abū al-Fattāh Muhammad 'Abd al-Karīm Ibn Abī Bakr Ahmad. t.t. *al-Milāl wa al-Nihāl*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Awang Ahmad. 1978. Bahasa Kedayan Dalam Satu Penggolongan Dengan Bahasa Melayu Brunei. *Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- H.O.K. Rahmat S.H. 2008. *Dari Adam Sampai Muhammad: Sebuah Kajian Mengenai Agama-agama*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Hasan Ahmad. t.t. *Tidakkah Bid'ah? Menyediakan Makanan Selepas Kematian*. Kota Bharu, Kelantan.
- Hj. Bongsu Aziz b. Jaafar, Mufti Kerajaan Negeri Sabah, ditemubual pada 19 Mac 2014.
- Hj. Daim b. Bakar, Kg. Menengah, Ulu Sipitang, ditemubual pada 12 April 2013.
- Hj. Hamit b. Saban, Ketua Kampung, Kg. Pantai, Sindumin, Sipitang, ditemubual pada 13 April 2013.
- Hj. Samin b. Ongki, Pengarah YADIM Sabah, ditemubual pada 14 Mac 2014.
- Hjh Noralam bt. Aspar, Kg. Pasir Putih, Ulu Sipitang, ditemubual pada 16/3/2013.
- Hjh Aminah bt. Hj. Ghafar, Kg. Menengah, Ulu Sipitang, ditemubual pada 6/7/2013.
- Ibn Khaldūn, Abdul Rahmān bin Muhammad bin Khaldūn. t.t. *Muqaddimah Ibn khaldūn*. Beirut: Dar al-Jil.
- Ibn Manzūr, Jamaluddin Abu al-Fadhli Muhammad bin Mukarram bin Manzur al-Ansari al-Afriqi. t.t. *Lisānul Arab*. Beirut.
- Ismail bin Ahmad bin Muhammad Saleh al-Langgori. 2001. Minhaj al-Salimin fi Tariqat al-Mutaqaddimin, terj. oleh Zamihan Mat Zin al-Ghari. *Bid'ahkah Kenduri Arwah dan Talqin*. Selangor: Tera Jaya Enterprise.
- Julaihi Bujang. 1978. Organisasi Sosial Pertanian Etnik Kadayan, Sarawak. (Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Juno b. Nayan, Kg. Naluyan, Mesapol, Sipitang, ditemubual pada 13 April 2013.
- Jusmi b. Salim, Kg. Menengah, Ulu Sipitang, ditemubual pada 16 Mac 2013.
- Lamat Jaafar. 1981. Menuba Di-Kalangan Masharakat Kedayan. *BAHANA, Jilid 16, Bil. 34*. Brunei: Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei.
- Maxwell, Allen R. 1970. On The Various Spellings Of The Word 'Kadayan'. *Brunei Museum Journal, 1(1)* :87-103.
- Mohamad Maulana Magiman. 2012. Ritual 'makan tahun' masyarakat Kedayan di Kampung Selanyau, daerah kecil Berkenu, Sarawak. (Tesis PhD, Fakulti Sains Sosial Universiti Malaya).
- Mohamad Saiful bin Japar. 2009. Perubahan Dalam Tradisi Kekeluargaan Komuniti Kadayan: Kajian Etnografi Di kampung Sungai Miri, WP Labuan (Latihan Ilmiah, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah).
- Mohamaed Azam Mohamad Adil. 2006. Pengaruh Adat Tempatan Dalam Menentukan Fatwa di Malaysia.
- Noresah Baharom. 2005 *Kamus Dewan*. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- P. M. Sharifuddin. 1970. Makan Tahun: The annual feast of the Kedayans. *Brunei Museum Journal, 2(1)*: 61-66.
- Parnell, E. 1911. The Names Kadayan, Dayak And Tanjong Datu. *The Sarawak Museum Journal*: 150-151.
- Prof Madya Suwaid b. Tapah, UiTM Sabah, ditemubual pada 3 April 2014.
- Roslan @ Sapawi b. Bekal, Imam Masjid Kg. Sg. Bubus, ditemubual pada 12 April 2013.
- Sablee Bagol. 1994. Adat Istiadat dan Kebudayaan Suku Kaum Kedayan: Satu Tinjauan di Daerah Sipitang. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1999. *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).